

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN :** PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN

**DARIPADA :** DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [ BETONG ]

**TARIKH :** 1 JULAI 2019

**SOALAN :**

**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah bantuan kepada pekebun kecil getah yang dilaksanakan oleh Kementerian pada tahun ini dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan bagi Sarawak

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan amat prihatin dan akan terus komited untuk membantu dan memelihara kebajikan golongan pekebun kecil getah. Sehubungan itu, langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) melalui Belanjawan 2019, Kerajaan terus komited meneruskan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan Paras Harga Pengaktifan (PHP) RM2.20 sekilogram bagi harga getah sekerap (*cuplump*) di peringkat ladang (50% kandungan getah kering). Kerajaan telah mengumumkan penambahbaikan pelaksanaan IPG pada 21 November 2018 dengan kenaikan PHP daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah sekerap;

- (ii) menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sejak Jun 2014 kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk terlibat di dalam aktiviti urusniaga getah. Langkah ini dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang dengan mengurangkan lapisan pembeli. Pengurangan orang tengah membantu pekebun-pekebun kecil getah mendapat harga yang munasabah dan *remunerative*; dan
- (iii) memperuntukkan sebanyak RM12 juta pada tahun 2018 bagi melaksanakan program dan memperkuatkannya infrastruktur kutipan lateks kepada pekebun kecil untuk menggalakkan pengeluaran lateks tempatan. Justeru itu, penglibatan pekebun kecil dalam pengeluaran lateks dijangka dapat menjana lebih pendapatan bagi pekebun kecil serta dapat menampung permintaan lateks dalam negara dan mengurangkan pengimportan lateks bagi industri sarung tangan.

Selain itu, Kementerian juga telah menyelaras pembangunan dan pelaksanaan Program Berimpak Tinggi (HIP) Tanam Baru dan Tanam Semula Getah di Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh di Sarawak, aktiviti tanam baru getah dilaksanakan melibatkan 5,901 hektar tanah sepanjang tempoh 2018 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9 juta telah dibelanjakan. Untuk makluman, bagi pelaksanaan sepanjang tahun 2019, sebanyak RM54.9 juta telah diperuntukkan kepada negeri Sarawak.

Sekian terima kasih.